

# PENJAJAHAN DI TANAH MELAYU, 1941-1948: ISLAM DAN SURVIVAL BANGSA

## *COLONIZATION IN MALAYA, 1941-1948: ISLAM AND SURVIVAL OF THE NATION*

Mohamed Ali Haniffa<sup>1</sup>

Mohd Kasri Saidon<sup>2</sup>

Zolkefli Bahador<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
(Email: m.ali@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
(Email: kasri@uum.edu.my)

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, Malaysia,  
(Email: zolkefli@uum.edu.my)

### Article history

**Received date** : 19-9-2023

**Revised date** : 25-9-2023

**Accepted date** : 29-10-2023

**Published date** : 14-11-2023

### To cite this document:

Haniffa, M. A., Saidon, M. S., & Bahador, Z. (2023).

Penjajahan Di Tanah Melayu, 1941-1948: Islam Dan

Survival Bangsa. *Journal of Islamic, Social,*

*Economics and Development (JISED)*, 8 (58), 1 – 15.

**Abstrak:** Masyarakat majmuk di Tanah Melayu tercetus berikutan penjajahan yang bersilih ganti ketika Kesultanan Melayu Melaka sehingga ke Perang Dunia Kedua. Namun kesantunan orang Melayu menerima kaum-kaum lain menjadi antara keunikan pembentukan pola masyarakat di Malaysia kini. Penjajahan menyebabkan berlakunya peminggiran etnik, namun menjadi pencetus kepada nasionalisme Melayu. Penelitian makalah ialah terhadap peranan Islam dan agamawan dalam membangkitkan kesedaran khususnya ketika pemerintahan kuasa kolonial di Tanah Melayu. Ulama abad ke-19 muncul di kebanyakan negeri di Tanah Melayu dan menjadi suri teladan dalam kalangan masyarakat membangkitkan jihad fisabilillah. Agama menjadi tenaga pendorong dan penguat kepada kesedaran serta perjuangan orang Melayu ketika penjajahan. Golongan agamawan dan pemimpin tempatan mula mengajar ilmu kebatinan serta seni mempertahankan diri apabila kehidupan mereka diganggu oleh komunis. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai metode pengumpulan data dan analisis data. Penulisan bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada sumber primer, sekunder dan lisan. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif menerusi analisis kritikan dalaman dan kritikan luaran. Hasil kajian mendapati bahawa golongan agamawan berperanan signifikan ketika Tanah Melayu dijajah. Ulama juga menjadi pemersatu dalam memastikan kelangsungan survival Melayu Islam. Agama Islam berjaya mencetuskan nasionalisme bukan sahaja untuk menghadapi ancaman terhadap kesucian agama Islam tetapi lebih bersifat membebaskan tanahair.

**Kata kunci:** Ulama, jihad, fisabilillah, komunis, nasionalisme

**Abstract:** *The plural society in Malaya arises following the alternating occupations of the country during the Malacca Sultanate up to the Second World War. Nevertheless, it was the modesty of the Malays in accepting other races that formed the unique pattern of community in Malaysia today. The colonisation not only resulted in the marginalisation of ethnicity but also the impetus for Malay nationalism. The research paper focuses on the role of Islam and religious leaders in raising awareness, especially during the reign of colonial power in Malaya. Religious scholars of the 19th century appeared in most states of Malaya and become role models in the community to raise *fiabilillah* jihad. Religion became the driving force and intensified the awareness and struggle of the Malays during the occupation. Religious groups and local leaders began teaching mysticism and martial arts when their lives were disrupted by the communists. This study uses the qualitative method for data collection and data analysis. It is a qualitative study that applies historical study background and content analysis. This study uses the documentation method for data collection by focusing on primary, secondary, and oral sources. For data analysis, this study uses a descriptive approach through the analysis of internal and external criticisms. The findings indicated that religious groups play a significant role during colonisation. Religious scholars were also found to be the uniting factor in ensuring the Malay Muslims continue to survive. Islam succeeded in triggering nationalism not only to face the threat to the sanctity of Islam but more to liberate the homeland.*

**Keywords:** *Religious scholars, jihad, fiabilillah, communist, nationalism*

---

## **Pendahuluan**

Malaysia diwarnai oleh masyarakat majmuk yang dibentuk oleh penduduk berbilang kaum. Kedatangan imigran yang dicetuskan oleh British menyebabkan berlakunya proses kemajmukan dan menjadikan masyarakat di Tanah Melayu menjadi lebih unik. Implementasi polisi *divide and rule* oleh British dan penempatan orang Melayu di lokasi pedalaman telah meminggirkan mereka dari arus pemodenan. Orang Melayu di kawasan kampung hanya diperlukan dari sudut membekalkan sumber makanan. Orang Cina dibawa bagi memenuhi obligasi ekonomi dan di tempatkan di kawasan perlombongan manakala orang India di lokasi seperti ladang-ladang getah berikutan permintaan tinggi komoditi tersebut di pasaran dunia. Walau bagaimanapun, dalam usaha memugar Tanah Melayu, sumbangan golongan perantau dari Indonesia juga tidak dapat dinafikan. Mereka turut membawa bersama budaya kehidupan yang akhirnya berasimilasi bersama masyarakat tempatan.

British terus meluaskan legasi melalui dasar campur tangan secara resmi di Negeri-negeri Melayu sejak tahun 1874. Lokasi Asia Tenggara terus menjadi medan percaturan kuasa besar sehingga menjelang Perang Dunia Kedua antara tahun 1941 hingga 1945. Penjajahan silih berganti ekoran pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941. Dasar pentadbiran dan kezaliman tentera Jepun serta kemunculan komunis bagi melegitimasikan kuasa merenggangkan hubungan di antara orang Melayu dan Cina. Kemunculan ulama sebagai pemersatu ketika dizalimi oleh tentera Jepun dan komunis meningkatkan kebulatan tekad serta semangat perjuangan orang Melayu. Gangguan dan budaya kehidupan yang berbeza serta agama Islam yang diganggu oleh komunis menyebabkan orang Melayu bersatu. Tumpuan kajian ini ialah terhadap peranan agamawan mempertahankan survival bangsa Melayu dalam mendepani penjajahan di Tanah Melayu. Beberapa insiden pergaduhan Melayu-Cina selepas pendudukan Jepun turut dibincangkan termasuk natijahnya ke atas hubungan kaum di Tanah Melayu.

## Sorotan Literatur

Terdapat kajian oleh beberapa orang sarjana yang membincangkan mengenai penjajahan di Tanah Melayu dan kebangkitan orang Melayu mempertahankan survival bangsa. Antaranya ialah seperti berikut:

**Jadual 1: Sorotan Literatur**

| Penulis          | Tajuk Penulisan  | Intipati Perbincangan  |
|------------------|--|--|
| Cheah Boon Kheng | ‘Sino–Malay Conflicts in Malaya, 1945–1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance’     | Perbincangan terhadap impak penjajahan dan kezaliman komunis di antara tahun 1945-1946 dan perang <i>Sabilillah</i> orang Melayu.    |
| Hairi Abdullah   | “Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat” | Pembentukan Tentera Sabil Selendang Merah di Batu Pahat, Johor dan amalan ilmu kebal orang Melayu apabila berlaku kezaliman komunis. |
| Zaharah Nawawi   | <i>Panglima Salleh Selempang Merah</i>   | Ketokohan Panglima Salleh Selempang Merah, memerangi komunis di Batu Pahat, Johor.   |
| Kenelm Burridge  | O.L. Racial Relations in Johore  | Gambaran kehidupan orang Melayu-Cina di Batu Pahat dan kezaliman komunis.  |

Sumber: (Analisis Pengkaji, Mohamed Ali Haniffa, Oktober 2023)

## Metodologi

Penulisan ini menggunakan pendekatan sejarah bersifat kualitatif dan naratif serta kaedah kepustakaan untuk melihat peranan Islam dan agamawan dalam mempertahankan nyawa dan kelangsungan hidup ketika Tanah Melayu diduduki oleh tentera Jepun serta dizalimi oleh komunis. Penelitian terhadap sumber primer dan sekunder menjadi asas pengumpulan data kajian ini. Penggunaan sumber primer seperti surat-menyurat, dokumen rasmi kerajaan, rekod dan akhbar dari Arkib Negara Malaysia, Arkib Cawangan serta *National Archives of United Kingdom* ditafsir dan dianalisis dengan teliti bagi menentukan keabsahan maklumat yang diperoleh.

### Asal Mula Masyarakat di Tanah Melayu

Model perpaduan dan keharmonian hidup dalam konteks masyarakat majmuk di negara ini boleh ditelusuri melalui pengasasan Kesultanan Melayu Melaka. Perpaduan dalam konteks masyarakat di Melaka boleh dilihat apabila penduduk hidup secara harmoni dan dikatakan mempunyai budaya saling memahami antara satu sama sepertimana catatan oleh Abdullah Munshi (Zahari A. Rashid, 2008: 11).

Asal usul orang Melayu dikatakan berasal dari golongan *Mongoloid* (Wan Hashim bin Wan Teh, 2008: 15). Komuniti tersebut merantau ke arah Selatan dari Yunnan China kira-kira 3,000 tahun dahulu (J.M. Gullick, 1970: 10). Sir Stamford Raffles mendapati terdapat sekumpulan kecil orang Melayu dan Cina yang tinggal di Pulau Singapura ketika pembukaannya. Petempatan dan perkampungan Melayu adalah salah satu ciri penting dalam sejarah orang Melayu. Merantau adalah tradisi dan aktiviti yang perlu difahami dalam mendalami proses pembukaan serta pembinaan sesebuah petempatan di negeri-negeri Melayu dan Tanah Seberang Kepulauan. Dunia perantauan bukan hanya melibatkan perpindahan fizikal sahaja malah mereka mempunyai misi yang lebih dinamik dan praktikal. Mereka bercita-cita untuk

mengubah nasib dan kehidupan ke arah yang lebih baik (Khazin Mohd Tamrin, 2000: 12). Kedatangan perantau Indonesia ke Tanah Melayu adalah satu lumrah kerana tafsiran "Melayu" termasuk juga mereka yang berasal dari Kalimantan, Kepulauan Indonesia dan Filipina. Akhirnya perantau Indonesia berasimilasi dalam masyarakat Melayu tempatan. Mengikut banci tahun 1931 dan 1947, didapati bahawa bilangan perantau Indonesia ketika itu telah dirangkumkan dalam kategori yang sama dengan penduduk Melayu tempatan serta disebut sebagai "lain-lain orang Malaysia" (Azizi Hj. Muda, Bil. 12, 1983: 168).

Dari segi sumber sejarah, perantau Indonesia telah berada di Semenanjung selewat-lewatnya pada zaman keagungan Kerajaan Srivijaya. Keadaan ini menjadi semakin ketara semasa pemerintahan Kerajaan-kerajaan Singapura, Melaka, Majapahit, Aceh, Pasai dan Portugis, Belanda serta Inggeris. Terdapat beberapa suku perantau Indonesia yang berhijrah ke Semenanjung seperti suku Jawa, Minangkabau, Banjar, Bugis dan Boyan. Pergerakan suku Jawa secara besar-besaran dari Pulau Jawa dan Madura menjadi ketara berikutan pengenalan projek transmigrasi pada awal tahun 1900. Rancangan ini adalah pelan kerajaan Belanda untuk mengurangkan kesesakan populasi di Pulau Jawa dan Madura. Ramai dalam kalangan mereka yang membuat pilihan untuk merantau ke Singapura dan Tanah Melayu. Data menunjukkan terdapat seramai 1,851 orang perantau Indonesia di Singapura pada tahun 1824 dan meningkat ke 2,865 orang menjelang tahun 1836 (Shamsul Bahrin bin Raja Muhammad Ali, 1966: 269). Seramai 170,000 orang dari suku Jawa pula telah menduduki Singapura dan Semenanjung Malaysia, pada tahun 1930 manakala seramai 45,382 orang penduduk berketurunan Banjar (Azizi Hj. Muda, Bil. 12, 1983: 171-172).

Golongan perantau Melayu-Patani yang merantau dari Thailand pada pertengahan abad ke-19, menetap di kawasan Utara Perak. Komuniti tersebut mengamalkan cara hidup dan budaya masyarakat Thai. Daerah Pontian, Johor, menjadi lokasi tumpuan pedagang, pemodal dan juga peneroka-peneroka tanah khususnya orang-orang Jawa, Bugis dan Banjar (Khazin Mohd Tamrin & Sukiman Bohari, Bil. 10, 1980/81: 35). Orang Jawa adalah golongan peneroka tanah awal yang paling banyak mengasaskan petempatan dan perkampungan di Johor (Khazin Mohd Tamrin & Sukiman Bohari, Bil. 10, 1980/81: 7). Kedatangan orang Jawa di daerah Pontian dapat dikesan di kawasan Kukup. Kedapatan juga pola migrasi dalaman di mana perantau tersebut berhijrah dari negeri Selangor, Selatan Perak, Muar dan Batu Pahat. Perantau yang berhijrah seterusnya membuka petempatan seperti di Kampung Teluk Kerang pada tahun 1875. Di antara tahun 1880-an sehingga 1915, di daerah Pontian telah wujud beberapa buah kawasan perkampungan seperti Kampung Kubur, Kampung Timur Laut, Kampung Timur Raya dan Kampung Parit Wer. Menjelang tahun 1920-an, kampung ini disatukan di bawah nama Kampung Teluk Kerang.

Kontrak pekerjaan ditandatangani di antara perantau Jawa dengan Badan Pelindung Orang Cina Singapura. Pada tahun 1886 seramai 2,741 orang menandatangani kontrak pekerjaan di Singapura. Ini diikuti pula seramai 3,589 orang pada tahun 1887 dan meningkat menjadi seramai 5,133 orang pada tahun 1890. Kerajaan juga memberikan galakan dan bantuan dalam membawa masuk buruh Jawa ke Tanah Melayu. Pada tahun 1884, Penghulu Abdul Wahab menerima pinjaman sebanyak \$300.00 untuk membawa masuk seramai 39 orang Jawa bagi tujuan membuka kebun di Tanjung Kupang. Bilangan orang Jawa di Batu Pahat pada tahun 1931 dianggarkan seramai 38,644 orang berbanding 12,995 pada tahun 1921. Bilangan orang Banjar pula pada tahun 1931 di Batu Pahat meningkat menjadi seramai 11,939 orang berbanding 5,711 orang pada tahun 1921.

Walau bagaimanapun, bilangan orang Jawa dan Melayu meningkat di kawasan pantai seperti Rengit, Senggarang, Peserai, Lubuk, Simpang Kanan dan Simpang Kiri menjelang tahun 1880-an (M.A Fawzi Basri, 1978: 109). Galakan diberikan oleh pemerintah khususnya dalam pemberian konsesi tanah. Pada tahun 1880-an, Maharaja Abu Bakar menganugerahkan konsesi tanah Kukup kepada Syed Muhamad Al-Sagoff (M.A Fawzi Basri, 1978: 33). Petempatan orang Banjar di Johor pula tidak bertumpu di satu kawasan tertentu sahaja tetapi berselerak di pelbagai daerah seperti Batu Pahat, Kluang dan Mersing. Sementara itu, orang Bugis pula pada umumnya tertumpu di daerah Pontian (Khazin Mohd Tamrin, 2000: 6).

MC Nair mencatatkan bahawa orang Melayu di negeri Perak berjumlah seramai 31,533 orang pada tahun 1879. Pada tahun 1874, bilangan orang Melayu dianggarkan seramai 5,000 orang dan bertambah menjadi 10,000 orang pada tahun 1878 (J.M. Gullick, 1970: 37). Bilangan orang Melayu di Selangor pada tahun 1884 berjumlah seramai 17,097 orang manakala di Negeri Sembilan pula berjumlah di antara 30,000 hingga 40,000 orang. Terdapat seramai 6,368 orang buruh berketurunan Jawa yang bekerja secara kontrak selama tiga tahun di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada tahun 1912. Bilangan tersebut menurun menjadi 4,557 orang pada tahun 1914 dan 2,243 orang pada tahun 1916. Menjelang tahun 1918, bilangan buruh meningkat ke 2,298 orang dan 3,788 orang pada tahun 1920. Walau bagaimanapun, perjanjian bagi buruh-buruh Jawa tidak dimansuhkan secara kuatkuasa undang-undang sehingga tahun 1932. Bilangan mereka selepas tahun 1920 menjadi lebih kecil di semua negeri kecuali di Pahang (R.N. Jackson, 1961: 131). Seramai 7,898 orang perantau dan buruh Jawa berada di bawah kontrak pekerjaan di ladang-ladang NNMB pada tahun 1912 hingga 1920. Angka tersebut menjadi 10,097 orang pada tahun 1912 dan menurun ke 8,918 orang pada tahun 1920.

Angka ini secara relatif adalah kecil jika dibandingkan dengan bilangan buruh Cina dan India di kawasan ladang. Begitu juga di negeri-negeri Melayu yang lain kebanyakan perantau dari Jawa sangat ketara. Pada tahun 1925 terdapat seramai 4,055 orang buruh Jawa di Johor. Bilangan tersebut meningkat menjadi 10,241 orang pada tahun 1939. Sekatan migrasi terhadap imigran India pada tahun 1938 menyebabkan buruh Jawa dibawa masuk bagi memenuhi tuntutan tenaga buruh di estet yang terletak di Johor dan Pahang (Immigration of Labourers, *MU. Sec.* 685/46 [60]). Perantau dari Sumatera berasimilasi dengan budaya masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, penerimaan penduduk asal Tanah Melayu terhadap golongan perantau ini berbeza. Di negeri Perak, penduduk asal digelar sebagai *Orang Perak* dan orang Melayu yang merantau sebagai *Anak dagang* (Moshe Yegar, 1979: 9-10).

Tanah Melayu juga turut menjadi tumpuan komuniti Arab dari Hadramaut sebelum kedatangan Belanda pada abad ke-17 Masihi (Mohammad Redzuan Othaman, 1994: 80). Kedatangan orang Arab ke Johor berlaku secara berperingkat-peringkat. Sebelum sampai ke Johor, mereka singgah di beberapa lokasi sekitar Nusantara seperti Singapura, Kepulauan Indonesia dan beberapa buah negeri Melayu (Mahayudin Hj. Yahaya, 2000: 1). Bilangan komuniti tersebut meningkat menjadi 4,937 orang pada tahun 1931 (Nazirah Lee, 2010: 94-95). Orang Arab mempunyai banyak persamaan dan budaya hidup seperti orang Melayu tempatan. Justeru itu, mereka mendapat tempat istimewa dalam kalangan masyarakat Melayu apabila berjaya mengasimilasikan diri dan seterusnya terlibat dalam bidang perekonomian di Singapura serta Johor. Di Johor, secara praktikalnya, orang Arab berhak mengerjakan tanah pertanian selagi tidak diusahakan oleh orang lain. Amalan ini bersesuaian dengan peraturan adat Melayu yang telah lama wujud berhubung dengan pengambilan, penggunaan dan pengurusan tanah. Orang Arab mudah diasimilasikan dengan bangsa Melayu dan diterima baik oleh pihak berkuasa tempatan. Syed Muhamed Ahmad Abdul Rahman al-Sagoff dianugerahkan tanah konsesi di

Pontian oleh Sultan Abu Bakar sebagai mengenang jasanya sebagai penasihat kewangan kepada sultan (Mohd Sohaimi Esa, 2000: 3).

Dasar campur tangan British menjelang abad ke-19 memberikan impak negatif ke atas struktur politik orang Melayu (J.A. Furnivall, 1967: 446). Kesedaran dan desakan kehidupan pada akhirnya menyebabkan berlakunya pergerakan orang Melayu dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu berlaku dengan pesat apabila penjajah British mengawal dan menguasai negeri-negeri Melayu. Orang Melayu yang terpinggir di kawasan kampung tidak dapat mengikut arus perubahan ekonomi yang diperkenalkan oleh British. Justeru itu, British menjadikannya sebagai alasan mengambil orang Cina dan India bagi mengisi kekosongan tersebut. Peningkatan imigran Cina secara mendadak di Tanah Melayu menimbulkan kebimbangan orang Melayu. Walau bagaimanapun, sebagai menunjukkan sikap prihatin dan berusaha mempertahankan hak orang Melayu, British memperkenalkan *Malay Reservation Enactment* pada tahun 1913 bagi mengelakkan lebih banyak tanah milik orang Melayu tergadai (Cheah Boon Kheng, 1983: 6). *Advisory Council*, yang dianggotai oleh sultan tidak mempunyai kuasa dalam membuat keputusan. Kehilangan hak orang Melayu mula dikritik oleh Sultan Abdul Aziz dari Perak (*CO 537/1548*, 20 February 1946: 195-196). Menjelang tahun 1921 bilangan orang Cina di Tanah Melayu adalah seramai 1,171,740 juta orang. Angka tersebut terus meningkat menjadi 1,704,452 orang pada tahun 1931 dan 2,614,667 orang pada tahun 1947 (M.V. Del Tufo, 1949: 75). Orang Cina menggunakan sepenuh peluang yang diberikan oleh British bagi mengukuhkan kedudukan ekonomi menjelang awal abad ke-20.

### **Agama Islam dan Masyarakat Melayu**

Dua tarekat yang terkenal dan diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu ialah Qadiriyyah dan Naqshbandiyyah (Syed Naguib Al-Attas, 1963: 34). Di Kampung Parit Maimun, Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor, Shaykh Abdullah bin Mustafa adalah antara guru Tarekat Qadiriyyah yang terkenal. Menjelang abad ke-19, ramai ulama dari Patani berhijrah ke Terengganu, kesan daripada serangan Siam ke atas Patani. Pembelajaran ilmu tarekat mendekati orang Islam dengan Allah SWT dan memberikan kesedaran masyarakat Melayu terhadap penjajahan. Hal yang demikian berlaku apabila ulama yang berhijrah ke negeri-negeri Melayu menyuntik semangat jihad dalam kalangan penduduk.

Golongan ulama berperanan penting dalam mengembangkan syiar Islam terutamanya sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Golongan ulama pada abad ke-19 berperanan penting di kebanyakan negeri di Tanah Melayu seperti Terengganu, Kelantan, Kedah, Pahang, Perlis, Perak dan Pulau Pinang. Antara tokoh ulama terkenal di Johor ialah Syeikh Haji Fadhil al-Banteni. Syeikh Haji Fadhil al-Banteni merupakan Pawang Diraja dan menjadi syeikh bagi Tarekat Qadiriyyah dan Naqshbandiyyah di Johor. Ramai dalam kalangan ulama yang berguru dengan beliau seperti Kadi Haji Ahmad Syah dari Pontian, Kiai Salleh bin Abd. Karim (Batu Pahat), di Muar oleh Orang Kaya Haji Abdul Hamid dan di Mersing oleh Haji Siraj bin Marzuki. Menurut Syeikh Abdul Qadir Malabari, ketokohan Syeikh Haji Fadhil al-Banteni Syeikh Haji Fadhil al-Banteni menyebabkan beliau mempunyai bilangan pengikut seramai 4,000 orang. Perjuangan Kiayi Fadhil al-Banteni diteruskan oleh anaknya iaitu Haji Abdul Hamid bin Haji Fadhil.

Kedatangan ulama ke negeri-negeri Melayu menyuntik semangat jihad dalam kalangan penduduk. Mereka menjadi suri teladan dan pendekatan agama digunakan sebagai teras utama dalam gerakan menentang penjajah pada kurun ke-19. Dalam usaha mempertahankan

kelangsungan survival bangsa, seni mempertahankan diri dan beberapa amalan kebatinan mula diberikan tumpuan oleh orang Melayu. Oleh yang demikian keyakinan dan amalan agama amat mirip kepada paduan unsur-unsur setempat dengan mistik sufi (William R. Roff, 1967: 6). *War Office Record* dalam satu laporan menyatakan bahawa ulama dan guru agama mempunyai kaitan rapat dengan tercetusnya konflik Melayu-Cina di Dinding, Perak (WO 172/9773, DT00 24/40: 72). Pengamalan ilmu kebal di Johor tersebar luas sehingga ke Pahang dan menimbulkan kebimbangan kepada pihak British kerana dilihat sebagai ancaman. Laporan tersebut mengulas bahawa amalan agama yang dibawa oleh "Malay Gurus" berkembang dengan cepat. Gerakan beragama orang Melayu tersebut dikenali sebagai *Sabilillah* atau *Perang Jihad*. (WO 172/9773, No. 14: 161-162).

Penghijrahan perantau Indonesia turut membawa bersama ilmu kebal yang mula dilaporkan pada November 1945 di Negeri Sembilan. Pengamalan ilmu tersebut berkembang luas hingga ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Beberapa objek yang digunakan oleh pengamal ilmu kebal ialah seperti kain selempang merah, cincin, potongan ayat Al-Quran dan susuk jarum emas. Amalan ilmu halimunan dipraktikkan oleh Tuan Guru Haji Abbas di Sungai Choh, Hulu Selangor (Wawancara dengan Tuan Haji Yahya bin Haji Abbas). Kolaborasi kepimpinan agamawan ketika itu dapat dilihat apabila Kiai Salleh bin Abdul Karim dari Batu Pahat, Johor dikatakan kerap kali berkunjung ke Ulu Cheka, Jerantut, Pahang bagi membincangkan survival orang Melayu bersama dengan Tok Pawang Nong bin Santan (Wawancara dengan Arif bin Nong). Kiai Salleh bin Abdul Karim juga turut merupakan pengikut dan pengamal Tarekat Qadiriyyah yang dibawa oleh Sheikh Abdul Qadir Jilani serta mempraktikkan seni Silat Sendeng (Wawancara dengan Tuan Haji Yusof bin Salleh). Pengamalan Ilmu kebal disertai dengan amalan minum air penebat yang bertujuan merangsang semangat perjuangan. Pada September 1946, Syeikh (Syed) Idris yang berketurunan Jawa mula mengajar ilmu kebal dan mistik Melayu di daerah Kuala Kangsar, Perak. Menjelang bulan Julai 1947, konflik Melayu-Cina bertambah serius di sepanjang Sungai Perak dan orang Melayu yang kekurangan senjata menjadikan parang panjang sebagai senjata utama bagi mempertahankan nyawa.

Golongan ulama juga dilaporkan turut berperanan penting dalam menyebarkan semangat anti-komunis. Di kawasan Batu Pahat, Johor dua orang ulama yang berperanan penting dalam mencetuskan kesedaran ialah Che Mohamed Salleh bin Abdul Karim (Kiai Salleh) dan Haji Salleh (seorang guru agama). Haji Salleh juga merupakan pengamal ilmu kebal dan berhijrah ke serata tempat bagi menyebarkan amalan tersebut. Manakala Orang Kaya Haji Abd. Hamid Kiayi Haji Fadhil Al-Banteni (Kiai Fadhil) bangkit menggembelng kekuatan orang Melayu. Beliau diberikan amanah memimpin perkumpulan kerohanian sebuah tarekat, iaitu cabang daripada amalan Tarekat Naqshabandiyyah, pimpinan Kiai Haji Fadhil Al-Banteni di Muar. Sebagai ketua kumpulan, beliau menganjurkan amalan-amalan kerohanian kepada masyarakat bagi memohon pertolongan Allah melindungi seluruh orang Melayu di Muar. Dalam gerakan Selempang Merah, Kiai Fadhil bertindak sebagai ketua orang Melayu di Muar (Mohd Akbal Abdullah, 2006: 129-135).

Menjelang tempoh masa yang kritikal selepas Perang Dunia Kedua, orang Melayu dilaporkan membentuk pertubuhan sulit bagi tujuan politik dan juga aktiviti anti-Cina. Haji Wan Ahmed yang menjadi Presiden Persitian Melayu dikenal pasti sebagai pemimpin gerakan tersebut. Kiyai Haji Hashim, Haji Munahar dan Haji Yusof bin Hassan menyebarkan ilmu kebal "gold needle injections". Ketiga-tiga ulama tersebut ditahan pada November 1945 oleh *British Military Administration* (BMA) berikutan insiden pergaduhan Melayu-Cina di Kuala Pilah,

Negeri Sembilan. Namun unsur tersebut juga muncul di Singapura, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang dan Perak. Walau bagaimanapun, kawasan yang majoritinya didominasi oleh orang Melayu agak aman kerana kurang mendapat tekanan orang Cina (*WO* 172/9773, No. 14: 161).

Batu Pahat juga menjadi pusat gerakan *Sabilillah* dan di ketuai oleh seorang ulama dari Sumatera iaitu Sheikh Tahir Jalaluddin. Beliau turut dibantu oleh Kiyai Selamat, Kiyai (Chegu) Salleh bin Abdul Karim dan Haji Yusof bin Hassan. Kiyai Salleh dilaporkan mengajar ilmu mistik Melayu sehingga ke Singapura, manakala Haji Hassan mengajar di kawasan Barat Pahang. Terdapat juga ulama-ulama lain seperti Ahmad Jelany dari Singapura dan Kiyai Haji Marzuki yang menetap di Melaka. Peranan Kiyai Haji Munahar menjadi penting di Melaka dan beliau berjaya menyatukan orang Melayu. Jelani Imam pula menjadi pemimpin kepada ilmu kebal jarum emas (*WO* 172/9773, No. 17: 206). Gerakan *Sabilillah* ketika Tanah Melayu bergolak berjaya menyatukan orang Melayu dalam menghadapi pergaduhan Melayu-Cina dan bukannya bercorak anti-British. Pembelajaran ilmu kebal sedikit sebanyak menambahkan keyakinan orang Melayu dan meningkatkan sentimen anti-komunis.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga penglibatan tokoh-tokoh tempatan lain dalam menyatukan orang Melayu ketika Tanah Melayu berada di ambang penjajahan. Antaranya ialah Tok Janggut di Kuala Muda, Kedah. Beliau menyebarkan *fisabilillah* dalam syarahan yang disampaikan. Antaranya ialah mengenai kezaliman tentera Jepun dan keruntuhan maruah umat Islam. Kesulitan hidup penduduk kampung seperti tegahan berjalan pada waktu malam ditafsirkan oleh beliau sebagai larangan berjemaah di surau. Insiden beliau ditampar di khalayak ramai oleh tentera Jepun kerana enggan tunduk memberikan hormat menambahkan kebencian beliau dan pengikutnya. Justeru itu, beberapa penentangan terhadap tentera Jepun dilancarkan namun gagal kerana terdapat sebilangan pengikutnya yang belot. Walau bagaimanapun, kebolehan mempertahankan kelangsungan dan maruah bangsa melambangkan kepimpinan yang tinggi di peringkat lokal (Yahaya Abu Bakar, 1976: 22-37).

Penglibatan golongan pemimpin agama dan ulama pada peringkat awal di Tanah Melayu berkisar kepada usaha berdakwah. Ustaz Mat Saman Kati ialah seorang pendakwah dan guru agama yang terkenal di Kati, Kuala Kangsar Perak. Beliau berdakwah dan banyak berkisar kepada ibadat tasauf (*Berita Perak*, Jun-Julai 2000: 18). Manakala Kiyai Haji Salleh bin Haji Abdul Rahman merupakan ulama yang terkenal dalam mengembangkan bidang pendidikan Islam di Temoh, Perak pada sekitar tahun 1912 hingga 1961. Beliau mengasaskan sebuah perkampungan pada tahun 1912 dan mendirikan sebuah surau yang kemudiannya berkembang menjadi sekolah agama. Ketokohnya menyebabkan beliau menjadi pakar rujuk berhubung hal ehwal agama Islam dan mempunyai hubungan yang rapat dengan Ustaz Abu Bakar Al-Bakir, Tuan Haji Ahmad Badawi (Kepala Batas, Seberang Perai) dan Ustaz Taqyuddin Al-Qendil (Mudir Al-Madrasatul Alawiah, Arau, Perlis) yang turut menyemarakkan syiar Islam di Temoh. Kiyai Haji Salleh pernah membuka kedai membeli getah pada tahun 1937 dan mempunyai saham perlombongan dalam syarikat perlombongan Cina di Kampar, Perak apabila menyedari orang Melayu perlu memiliki kekuatan ekonomi.

Haji Abdul Samad Noh muncul sebagai ulama di Perak, seangkatan dengan ulama-ulama lain seperti Tuan Haji Syeikh Idris Al-Marbawi, Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Junid Tola dan ulama-ulama lain (*Titian Mesra*, Februari 1998: 21). Beliau membentuk *Persatuan Tenaga Makatul Musyarrafah* bersama pelajar-pelajar Tanah Melayu dan Indonesia ketika menuntut di Madrasatul Saulatiah Al-Hindayah, Mekah. Matlamat penubuhannya ialah untuk



memerdekakan Tanah Melayu dan Indonesia. Menerusi Persatuan Tenaga Melayu, beliau bertindak menyuntik semangat Dato' Onn Jaafar untuk mengutus telegram menyatakan sokongan padu terhadap bantahan orang Melayu terhadap *Malayan Union* (Titian Mesra, Mac 1998: 21).

Gerakan nasionalisme di Tanah Melayu turut dipelopori oleh golongan yang berpendidikan agama, Inggeris dan Melayu. Antaranya ialah melalui penubuhan Hizbul Muslimim pada 14 Mac 1948 yang bermatlamat menuntut kemerdekaan bangsa Melayu dan membentuk masyarakat berdasarkan ajaran Islam. Di samping itu, untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai Darul Islam dan mengawal golongan kiri Melayu supaya tidak lari daripada perjuangan agama, bangsa serta tanah air. Hizbul Muslimin juga berperanan memberikan kesedaran kepada umat Islam Melayu dalam berpolitik dan menyatukan umat Islam dalam satu ideologi. Antara kepimpinan Hizbul Muslimin ialah Ustaz Abu Bakar Al-Bakir (Ketua Umum), Haji Ariffin Haji Alias (Ketua Satu) dan Daud Jamil (Ketua Dua) (Mohd Jamil bin Mukmin, 2009: 13). Hizbul Muslimin hanya bertahan selama enam bulan sahaja kerana diharamkan oleh British. Namun matlamat utamanya bagi menyatukan umat Islam berjaya dicapai.

Ustaz Abu Bakar Al-Bakir bukan sahaja sinonim dengan Hizbul Muslimin tetapi juga dengan Maahad El Ehya' Al Sharif (MAEAS), Gunung Semanggol Perak. Maahad yang didirikan oleh beliau bersama Haji Abdul Rahman Mahmud pada tahun 1934 berperanan sebagai Maahad moden. Dalam persidangan di MAEAS pada 15 November 1947, beliau yang dibantu oleh Abdul Al-Rabb Al-Tamimi, berjaya membentuk *Lembaga Pendidikan Rakyat* (LEPIR) bertujuan menyeragamkan kurikulum pendidikan sekolah agama rakyat di Tanah Melayu. Bagi mencapai matlamat tersebut, sebuah pusat pendidikan sekolah rakyat ditubuhkan dan dikelolakan oleh Syeikh Zubir Haji Ahmad yang kemudiannya digantikan oleh Abdul Al-Rabb Al-Tamimi. MAEAS dijadikan contoh kepada sekolah agama rakyat di tanah air ketika itu. Dalam bidang politik, Ustaz Abu Bakar Al-Bakir akrab dengan pemimpin Kesatuan Melayu Muda seperti Ibrahim Yaakub dan Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Dr. Burhanuddin al-Helmy juga menjadi tenaga penggerak utama dan berkhidmat di MAEAS serta mengajar ilmu politik Islam. Dalam *Persidangan Ekonomi-Ugama SeMalaya* yang diadakan pada 22 hingga 24 Mac 1947 telah mencetuskan penubuhan *Pusat Perekonomian Melayu* (PEPERMAS) dan *Majlis Agama Tertinggi SeMalaya* (MATA) (Titian Mesra: 21).

### **Orang Melayu dan Sabilillah**

Berikutan kekalahan tentera Jepun, komunis bertindak zalim dengan melakukan pembunuhan terhadap masyarakat di Tanah Melayu yang tidak menyokong ideologi mereka. Kekurangan persenjataan menyebabkan orang Melayu bersatu dengan menggunakan parang panjang bagi mempertahankan diri. Ini membawa kepada pembentukan 'Kumpulan Parang Panjang' oleh orang Melayu di lokasi berlakunya kezaliman komunis. Gerakan tersebut juga bermotifkan *Sabilillah* dan bermatlamat mempertahankan agama Islam dan kewujudan orang Melayu. Api perkauman yang dicituskan semenjak pendudukan tentera Jepun menyebabkan meletus dan merebak pergaduhan antara bulan Mac hingga Ogos 1945 di antara Melayu-Cina Cina di Johor (Cheah Boon Kheng, 1981: 109). Pergaduhan juga bermula di Ayer Hitam, Johor pada 20 Jun 1945 manakala kejadian kedua berlaku pada 21 Jun 1945 di Parit Kuman, Mukim Sungei Balang (SUKJ. 6203/1945: 13A). Penghulu, ulama dan pendekar yang enggan memberikan sokongan turut dizalimi oleh komunis. Antara kejadian menyayat hati berlaku pada bulan Mei 1945 apabila Moain Saridin @ Shahidin dan Hassan Akasah dibunuh manakala dalam satu kejadian lain di Kampung Sungai Tongkang, Batu Pahat, segerombolan komunis menyerang rumah penghulu. Mereka ditembak bertubi-tubi sebelum dibakar menyebabkan kira-kira 30

orang yang berlindung di rumah berkenaan mati. Kejadian seterusnya telah berlaku pada 1 Julai 1945 di Semerah, Batu Pahat, Johor sebelum merebak ke Sungei Balang (*Utusan Malaysia*, 28 Mei 2009: 5).

Pergaduhan terakhir berlaku di Mukim Sri Menanti pada 22 Ogos 1945 (SUKJ. 6203/1945: 13 A). Pada 20 Ogos 1945 seramai dua orang Cina dibunuh oleh orang Banjar di Batu 14, Sri-Menanti, Jalan Parit Jawa Muar. Ini diikuti pula pada 2 September 1945, apabila Dato' Sheikh Abdullah bin Yahya diculik oleh gerila komunis dan mangakibatkan kecederaan parah sehingga meninggal dunia pada 5 September 1945. Ja'afar bin Abu Bakar dan Daeman bin Arshad dibunuh oleh komunis pada 24 September 1945 di Sanglang. Di Pontian, Johor, Sikam bin Gempal dibunuh oleh gerila komunis di Parit Lintang (*RCJ*. 241/46: 1). Banyak lagi kejadian yang mengakibatkan pembunuhan orang Melayu yang tidak bersalah berlaku sebelum, semasa dan selepas tentera Jepun menyerah kalah. Hubungan Melayu-Cina di Segamat mulai renggang dan terdapat beberapa kejadian pergaduhan (SUKJ 6112/1945: 90). Kekacauan juga berlaku pada malam 9 Februari 1946 bersamaan hari Sabtu dan pada tengahari Ahad 10 Februari 1946 di Bukit Gambir serta Parit Samsu, Johor. Kejadian pergaduhan juga telah berlaku di Pengerang, Johor (*RCJ*. 65/46: 54). Pada 10 Jun 1945, *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) membunuh Pegawai Daerah Batu Pahat iaitu Ismail Abdullah, Tuan Haji Hasbullah (Kadi Batu Pahat), dan Dr.Woodhull (Pegawai Perubatan Batu Pahat) ketika mengadakan perundingan dengan MPAJA di Benut, Johor.

### **Ulama Sebagai Pemersatu**

Orang Melayu yang diancam oleh gerila komunis terpaksa bergantung kepada kewibawaan yang dimiliki oleh Kiai Salleh bin Abdul Karim. Tambahan pula ketika itu, dia merupakan pengamal Seni Silat Sendeng dan berjaya membentuk Kumpulan Parang Panjang yang menggabungkan orang Melayu dari suku Jawa dan Banjar. Kumpulan tersebut menggunakan senjata seperti parang panjang, lembing, keris, pedang dan tombak manakala komunis memiliki mempunyai senjata api yang kebanyakannya diperolehi ketika Jepun menyerah kalah. Selepas melalui beberapa disiplin keagamaan dan kebatinan yang rigid, Kiai Salleh bin Abdul Karim dipercayai mempunyai beberapa kelebihan seperti ilmu pelembut besi, tidak lut senjata dan peluru serta boleh menghilangkan diri. Dia juga dikatakan tidak mati, walaupun cuba direbus oleh gerila komunis, mempunyai ilmu melepaskan diri apabila diikat dan juga berkeupayaan berjalan di atas air. Kelebihan luar biasa yang dimiliki Kiai Salleh bin Abdul Karim ini amat dipercayai oleh orang Melayu sehingga dianggap sebagai seorang yang diamanahkan oleh Allah SWT bagi menyelamatkan mereka. Kepercayaan wujudnya kekebalan daripada tusukan senjata tajam dan kalis peluru seperti yang dimiliki oleh Kiai Salleh bin Abdul Karim merupakan satu kepercayaan yang lumrah terdapat dalam kalangan orang Melayu. Ketika berhadapan dengan suasana kritikal selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, ilmu ini diyakini mampu mempertahankan mereka daripada ancaman komunis (*Mingguan Malaysia*, 25 Disember 2011). Pergaduhan yang bermula di Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor merebak hampir ke seluruh mukim. Dalam satu kejadian yang berasingan seramai 60 buah keluarga Cina dari Kampung Batu Pahat lari meninggalkan harta benda apabila sekumpulan orang Melayu dan Jawa mencari mereka dengan bersenjatakan parang (CO537/1580: 3). Beberapa kejadian lain juga dilaporkan di Benut dan Rengit. Kepimpinan Kiai Salleh mempertahankan survival orang Melayu tidak terhenti setakat di Simpang Kiri sahaja malah hampir ke seluruh daerah Batu Pahat.

Berlainan pula di Sungai Manik, Perak, terdapat beberapa orang ulama tempatan yang menjadi tumpuan bagi mempelajari ilmu kebal termasuklah Haji Amirus Hussin, Haji Yusof, Haji

Marzuki, Haji Dahlan, Haji Mat Samad, Haji Anuar dan Haji Masmuda (Wawancara dengan Haji Hanapiah bin Haji Salleh). Salah seorang ulama terkenal yang menjadi rujukan bagi menuntut ilmu kebal di Sungai Manik ialah Haji Imam Bakri bin Haji Mohd Saman. Ketinggian ilmu dan kewarakannya menyebabkan diangkat sebagai Tuan Guru atau pakar rujuk kepada penuntut ilmu kebal yang membentuk satu kumpulan jihad, dikenali sebagai Kumpulan Parang Panjang. Haji Imam Bakri diberikan kepercayaan menjadi Khalifah dan dibantu oleh Haji Shukor sebagai Naib Khalifah. Berita mengenai pembentukan Kumpulan Parang Panjang dan amalan ilmu kebal di Sungai Manik menaikkan semangat orang Melayu sehinggakan mendorong orang Melayu dari seluruh negeri Perak datang beramai-ramai menemui beliau. Tujuannya ialah untuk menuntut ilmu bagi tujuan mempertahankan diri dan membalas dendam terhadap orang Cina (Ghazali bin Basri, 1974/75: 35-36).

Ilmu kebatinan yang dikaitkan dengan kekebalan yang dipelajari ini ternyata meningkatkan keyakinan orang Melayu ketika berhadapan dengan komunis. Mereka diyakinkan bahawa komunis adalah musuh Islam dan perlu ditentang habis-habisan. Sebagai Khalifah Parang Panjang, Haji Imam Bakri juga mengisytiharkan perang jihad menentang komunis dan mereka yang mati adalah syahid. Kumpulan Parang Panjang diberikan air penebat dan dianugerahkan Selempang Merah serta ditegaskan bahawa dengan pemberian ini perjuangan Kumpulan Parang Panjang ialah perang sabil dan matinya ialah syahid. Turut ditegaskan bahawa Qada dan Qadar ditetapkan oleh Allah SWT sama ada seseorang itu akan mati atau mencapai kemenangan. Pejuang parang panjang dinasihatkan supaya sentiasa mengerjakan suruhan Allah SWT dan mengamalkan wirid kalimah *La hi la ha hillallah* serta ayat empat bagi menguatkan semangat dan keberkesanan ilmu yang dituntut” (Wawancara dengan Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohd Said). Bagi suku Melayu Banjar di Sungai Manik, mereka menggunakan istilah *mencantas* bagi merujuk kepada memancung ataupun memenggal leher komunis. Kejayaan Kumpulan Parang Panjang Sungai Manik menjadi sebutan ramai dan menaikkan semangat mempertahankan kesucian Islam serta kelangsungan bangsa Melayu di serata lokasi di Tanah Melayu (Wawancara dengan Haji Abdul Kadir@ Muhammad bin Haji Bakri).

Konflik Melayu-Cina di Perak terus merebak sehinggakan kampung-kampung tradisional Melayu menjadi mangsa kezaliman komunis. Komunis menjadikan Sekolah Melayu Bekor sebagai markas dan memaksa penduduk Kampung Bekor mendengar ideologi mereka (Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari). Walau bagaimanapun, penglibatan agamawan tempatan meningkatkan keyakinan diri penduduk Melayu Bekor untuk mempertahankan diri. Walaupun pergaduhan kecil sering tercetus namun pada peringkat awal kesemuanya berjaya diselesaikan oleh pemimpin tempatan daripada kedua-dua kaum secara harmoni (*Seruan Ra'ayat*, 7 Januari 1946: 1). Suasana yang nampak seperti terkawal sebenarnya diambil peluang oleh komunis untuk merancang menyerang Kampung Bekor dan membunuh penduduknya. Tindakan ini diambil apabila komunis merasakan mereka lebih kuat kerana memiliki banyak senjata api yang dirampas ketika Jepun menyerah kalah. Selain itu mereka merasakan inilah masanya untuk membalas dendam terhadap orang Melayu setelah begitu lama hasrat tersebut terpendam. Serangan pertama komunis di Kampung Bekor dilakukan pada 5 Mac 1946, iaitu pada hari Selasa pukul 10.00 pagi. Walau bagaimanapun, serangan tersebut berjaya dipatahkan oleh penduduk kampung yang membuat persiapan rapi dan sudah menjangkakan bahawa terdapat kemungkinan diserang oleh komunis kerana ingin membalas dendam.

Sebagai rentetan serangan kali pertama ini pada keesokan paginya, iaitu pada hari Rabu, 6 Mac 1946, antara jam 5.00 hingga pukul 5.30 pagi, berlaku pula serangan kali kedua (SECRET, War

Diary Of, H.Q. Malaya Command, 1946, Message Form From Hq Malaya Command To SACSEA , ALFSEA, DTO0 07, WO 172/9773 [281]). Serangan yang dilancarkan ini menyebabkan sebanyak sebanyak 40 buah rumah dibakar dan seramai 80 orang Melayu termasuk kanak-kanak dibunuh oleh komunis. Bilangan penduduk yang paling ramai menemui ajal ialah mereka yang sedang bersiap untuk bersolat subuh di Masjid Kampung Bekor. Penyiasat British dalam satu laporan menyatakan bahawa seramai 70 orang Melayu dibunuh di Masjid Bekor (Extract From Official Report, CO 537/1580 [8]). Dalam peristiwa pembunuhan tersebut dilaporkan bahawa Sekolah Agama Bekor dibakar sehingga hangus dan mayat orang Melayu bergelimpangan di kawasan rumah serta perkampungan.

Kekacauan dan pembunuhan terhadap orang Melayu juga berlaku hampir di semua lokasi di Tanah Melayu. Bezanya jika sebelumnya komunis mengganas tanpa tindak balas, tetapi kini orang Melayu yang telah membuat persediaan bertindak balas bagi membalas dendam terhadap kezaliman yang dilakukan terhadap mereka. Pada 19 September 1945 berlaku pembunuhan ke atas orang Melayu di Kota Bharu (Kelantan), 26 September 1945 di Alor Gajah (Melaka), di Selangor, Selama, Taiping, Parit, Sitiawan (Perak) dan Terengganu. Dalam kejadian di Sitiawan, seramai tujuh orang Cina terbunuh, dua cedera dan beberapa buah rumah dibakar. Pada hari berikutnya komunis membunuh dan mencederakan beberapa orang penduduk kampung.

Dalam satu peristiwa di Kampung Padang Lebar, Kuala Pilah, seorang penduduk kampung bernama Pak Maakin dijumpai dibunuh secara kejam dengan perut dan badannya ditikam menggunakan pisau oleh komunis. Mayatnya dikebumikan di dalam sebuah lubang yang hanya digali sedalam setengah meter. Semasa dijumpai, kaki mayat itu terlunjur keluar (Mohd Nor bin Bujal, 1982: 16). Pada 6 November 1945, dalam satu serangan balas, sekumpulan orang Melayu yang dianggarkan seramai 300 hingga 400 orang bertindak menyerang orang Cina di Padang Lebar yang mengakibatkan seramai 40 orang Cina terkorban (Extract From Official Report, CO 537/1580 [8]). Dalam menghadapi situasi cemas, Tuan Haji Abdullah seorang guru agama yang berasal dari Sungai Manik, Perak menyatukan penduduk kampung dan melakukan serangan balas (Mohd Nor bin Bujal, 1982: 16-17). Seramai 40 orang Cina terkorban dalam kejadian tersebut yang kebanyakannya terdiri dalam kalangan wanita dan kanak-kanak. Dalam konflik Melayu-Cina di Kuala Pilah, Kiyai Haji Hashim, Haji Munahar dan Haji Yusof bin Hasan menyebarkan amalan penggunaan susuk jarum emas.

Kekacauan di Batu Malim, Raub, Pahang tercetus pada 11 Februari 1946 di kawasan pasar yang melibatkan seramai 200 orang Melayu dan 150 orang Cina. Seramai 30 orang Cina terkorban termasuk 10 orang kanak-kanak Cina dan dua orang Melayu manakala seramai 16 orang Cina dan 10 orang Melayu mengalami kecederaan. Di Raub, Pahang, seorang pemuda yang bernama Haji Yusof bin Hassan dikatakan aktif menyampaikan ceramah di masjid dan menyeru orang Melayu menyerang orang Cina yang berideologi komunis. Di samping itu, risalah propaganda agama yang anti-Cina disebar di kawasan Raub. Gerakan *Sabilillah* di Pahang mempunyai perkaitan dengan Batu Pahat, khususnya suntikan semangat yang diberikan oleh Kiai Salleh bin Abdul Karim. Pergaduhan Melayu-Cina yang merebak ke Pahang juga menyebabkan amalan ilmu kebal dan selempang merah yang dikaitkan dengan Islam serta disebar oleh golongan agama dibawa dan dipraktikkan di Batu Malim, Raub, Pahang. Amalan ilmu kebal tersebut dipelopori oleh Abu Jamal di Batu Malim sehinggakan tersebar dengan cepat. Hal yang demikian mendorong pemimpin tempatan lain seperti Cikgu Jantan di Padang Tengku, Kuala Lipis, turut mengajar dan menyebarkan ilmu kebal serta Selempang Merah. Jelas bahawa, bagi orang Melayu, ilmu kebal yang menggunakan potongan ayat-ayat Al-Quran adalah satu

kekuatan psikologi yang memberikan mereka keyakinan dalam menghadapi suasana kritikal. Justeru itu, amalan tersebut sebatian dengan orang Melayu dan menambahkan lagi keyakinan bahawa perjuangan yang dilakukan adalah satu jihad *fisabilillah*.

### **Kesimpulan**

Dasar British, pemerintahan Jepun dan kezaliman komunis telah mencetuskan keadaan huru-hara selepas perang di Tanah Melayu. Sikap prejudis dan prasangka yang sukar dibendung berakar umbi dalam kalangan etnik di Tanah Melayu khususnya selepas penjajahan. Orang Melayu menjadi mangsa kezaliman gerila komunis akibat mahu mengambil tampuk pemerintahan negara. Agama Islam digunakan sebagai paksi perjuangan dan dianggap jihad ke jalan Allah. Peranan pendakwah, ulama dan golongan sufi dalam menyebarkan ajaran Islam tidak dapat dinafikan. Agama Islam dimurnikan di pandangan masyarakat setempat dengan pengamalan ilmu tarekat. Ilmu kebatinan menjadi sebahagian daripada amalan dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya ketika pengaruh Islam tidak begitu tebal. Dalam menghadapi survival Melayu-Islam, golongan agamawan memberikan kesedaran dan menyatukan orang Melayu. Survival melalui Kumpulan Parang Panjang bermatlamat mempertahankan kewujudan orang Melayu berikutan penjajahan, biarpun akibat dari penentangan terhadap komunis akhirnya membenihkan perasaan perkauman yang sukar dipadam. Rentetan sejarah negara ini harus diperhalusi tanpa bias. Peristiwa-peristiwa tersebut perlu diketengahkan kepada masyarakat untuk memberikan kesedaran bagi membina kehidupan yang lebih harmoni pada masa hadapan.

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan dapatan pembentangan di Seminar Islam dan Kelestarian Ummah (SIDKUN 2023) anjuran Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Darul Aman.

### **Bibliografi**

- Azizi Hj. Muda. (1983). 'Penghijrahan Penduduk Indonesia ke Semenanjung Malaysia,' *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 12, 168-172.
- Berita Perak*, Jun-Julai 2000
- CO 537/1548: Policy: Malaya: Malay Attitude-1946.
- CO 537/1580, Growth Of The Inter-Racial Feeling In Malaya.
- Cheah Boon Kheng. (1981). "Sino Malay Conflicts in Malaya, 1945-1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance." *Journal of Southeast Asian History*. Volume 12, No.1, 108-110.
- Cheah Boon Kheng. (1983). *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*. Singapore: Singapore University Press.
- Del Tufo, M.V.. (1949). *A Report On The 1947 Census of Population*. Singapore: The Government Publications Bureau Singapore.
- Faaland, Just, Jack Parkinson. Rais B. Saniman. (1991). *DEB Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Furnivall, J.A.. (1967). *Netherlands India: A Study of Plural Economy*, Cambridge: Cambridge University Press.

- Ghazali bin Basri, (1974/75). Hilir Perak: Sejarah Hubungan Ras Zaman Pendudukan Jepun Sehingga Pemerintahan Tentera British (BMA), 1942–1946. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya
- Gullick, J.M.. (1970). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jackson, R.N.. (1961). *Immigrant Labour And The Development of Malaya 1786–1920*, Kuala Lumpur: Government Press.
- Khazin Mohd Tamrin dan Sukiman Bohari. (1980/81). 'Orang Jawa Pontian: Kedatangan dan Kegiatannya Dalam Aspek Sosio–Ekonomi dan Politik Tempatan,' *JEBAT*, Bil. 10, 7-35.
- Khazin Mohd Tamrin. (2000). “Sejarah Petempatan dan Perkampungan Melayu Di Johor”, Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, 3-6 Mei 2000.
- Mohd Nor bin Bujal. (1982). “Satu Peristiwa Bersejarah Yang Saya Dapat Saksikan Dari Dekat” *Esei-esei Sejarah Malaysia II*, Persatuan Sejarah Malaysia, 16-17. *Mingguan Malaysia*, 25 Disember 2011
- MU*. Sec. 685/46: Immigration Of Labourers.
- Mohd Akbal Abdullah, Kiayi Fadhil Al-Banteni. (2006). dlm Johor Mengenang Sumbangsihmu.
- Ed. Abu Bakar A. Hamid, Md. Ismail Zamzam, Kamdi Kamil, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Mohd Sohaimi Esa. (2000). “Penglibatan Orang Arab Dalam Pembangunan Ekonomi Negeri Johor Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua”, Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, 3-6 Mei 2000.
- Mahayudin Hj. Yahaya. (2000). “Sejarah Penempatan Orang Arab Di Johor”, Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, 3-6 Mei 2000.
- M.A Fawzi Basri. (1978). *Sejarah Johor Moden 1855–1940, Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*, Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Semenanjung Malaysia.
- Moshe Yegar. (1979). *Islam And Islamic Institution In British Malaya, Policies And Implementation*, Jerusalem: The Magnes Press.
- Mohammad Redzuan Othaman. (1994). ‘The Middle Eastern Influence On The Development of Religious And Political Thought In Malay Society, 1880-1940’, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, University of Edinburgh.
- Nazirah binti Lee, ‘The Arabs In British Malaya In The Interwar Years, 1918-1941: A Historical Study’. (2010). Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Hiroshima City University. *RCJ*. 241/46, Ulu Tiram Massacre And Exhumation of Dead Bodies, 30.4.46-12.11.47. *RCJ*. 65/46, Weekly Situation Report, 10.4.46-8.2.48.
- Roff, William, R.. (1967). *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. SUKJ. 6112/1945, Departmental Reports And Correspondence Relief, 18.9.45-29.10.45. SUKJ. 6203/1945, Outstation Reports And Correspondence Muar, 19.9.45-27.11.45. *Seruan Ra'ayat*, 1945-1946
- Syed Naguib Al-Attas (1963). *Some Aspects of Sufism as Understood And Practised Among The Malays*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd..
- Shamsul Bahrin bin Raja Muhammad Ali. (1966). *Indonesian Population in Malaya*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Titian Mesra*, Jun 1996, Februari, Mac 1998
- Utusan Malaysia*, 28 Mei 2009
- WO 172/9773, Supreme Allied Commander Southeast Asia (Mountbatten Diaries)
- Wan Hashim bin Wan Teh. (2008). ‘Teori Migrasi Dan Asal Usul Ras Melayu’, dalam *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- Wawancara dengan Arif bin Nong at Kampung Jenerih, Ulu Cheka, Jerantut, Pahang, 27 November 2007.
- Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Kadir bin Abdul Rahman at Kampung Kubang Udang, Bekor, 20 November 2008.
- Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari at Kampung Kubang Udang, Bekor, Kuala Kangsar, Perak, 20 November 2008.
- Wawancara dengan Tuan Haji Hanapiah bin Haji Salleh, at Parit 13 A, Sungai Manik, Perak, 6 Jun 2008.
- Wawancara dengan Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohamad Said at Parit 3 B, Sungai Manik, Perak, 6 Jun 2008.
- Wawancara dengan Tuan Haji Yahaya bin Haji Abbas at Kampung Sungai Choh, Hulu Selangor, 18 Februari 2010.
- Wawancara dengan Tuan Haji Yusof bin Salleh at Johor Bahru, 8 Disember 2009.
- Yahaya Abu Bakar. (June 1976). "Kebangkitan Tok Janggut Menentang Jepun." *Malaysia in History*, Vol, 19, No. 1, 22-37.
- Zahari A. Rashid. (2008). *Kenang-Kenangan Abdullah Munsyi*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd